

# CEFL perkenal pembelajaran abad ke-21

**B**ERMULA Januari tahun ini, Cambridge English For Life (CEFL) memberikan satu pengalaman berbeza kepada pelajarannya apabila pusat Bahasa Inggeris itu menggunakan buku-buku dari Nasional Geographic Learning di dalam setiap kelasnya berikutan perkongsian eksklusif antara kedua-dua pihak.

Hasil perkongsian itu akan membolehkan CEFL membawa masuk 'dunia' ke dalam kelas dan menghidupkan suasana kelas melalui buku-buku yang direka khusus untuk pembelajaran abad ke-21 dengan memaparkan fotografi menakjubkan yang pernah memenangi anugerah serta alat teknologi interaktif.

Sebagai pusat Bahasa Inggeris terkemuka yang diiktiraf, guru-guru di CEFL amat berdedikasi dalam memberi ilmu kepada pelajar untuk memastikan setiap pelajar menjadi warga global yang bertanggungjawab dalam abad ke-21.

Malah, CEFL turut mendorong kanak-kanak untuk belajar Bahasa Inggeris melalui cerita-cerita benar dan bermakna serta mendedahkan mereka kepada keindahan serta kepelbagaian yang ada di dunia pada masa ini.

Kanak-kanak di abad ke-21 adalah pribumi digital. Mereka mahu dicabar dan diilhamkan dalam proses pembelajaran mereka. Mereka juga mahu bekerjasama dengan rakan-rakan dan berminat untuk menggabungkan teknologi yang digemari di dalam kelas.

Teknologi kini menyediakan lebih banyak peluang kepada pelajar yang mungkin mempunyai gaya pembelajaran berlainan untuk bersama-sama melibatkan diri dengan cara baharu itu. Pelajar



**Kursus CEFL itu bakal mencabar perkembangan kognitif dan bahasa para pelajar. Melaluinya, pelajar akan terdedah kepada pelbagai topik yang tidak ada di dalam kurikulum sekolah, sekali gus dapat membantu mereka meluaskan pengalaman dan ilmu dalam bidang geografi, sejarah serta pelbagai budaya.**

jar juga boleh mendapat manfaat daripada visual dan audio untuk memperkayakan konsep yang hanya terdapat di atas helaian halaman bercetak.

Kursus CEFL itu bakal mencabar perkembangan kognitif dan bahasa para pelajar. Melaluinya, pelajar akan terdedah kepada pelbagai topik yang tidak ada di dalam kurikulum sekolah, sekali gus dapat membantu mereka meluaskan pengalaman dan ilmu dalam bidang geografi, sejarah serta pelbagai budaya.

Pada zaman ini, pelajar juga perlu mempunyai kemahiran untuk berfikir dan bekerja secara kreatif dalam kedua-dua persekitaran digital dan analog untuk membangunkan kemahiran bahasa mereka.

Mereka mesti mempunyai keupayaan untuk bekerjasama dengan lancar di dalam kedua-dua



**SEMUA** pusat bahasa Cambridge English For Life (CEFL) menggunakan buku-buku berunsur interaktif dan alat-alat teknologi dalam bilik darjah bermula Januari tahun ini.

ruang fizikal dan maya. Oleh itu, kelas di CEFL menggalakkan banyak aktiviti secara berkumpulan supaya pelajar sentiasa bekerjasama dalam persekitaran teknologi antara satu sama lain.

Sesetengah kanak-kanak jarang mendapat peluang untuk bekerjasama dalam kumpulan di sekolah dan keadaan itu menyebabkan mereka kurang berminat terhadap pembelajaran. Kebolehan untuk bekerjasama

dengan orang lain adalah penting, bukan sahaja untuk tujuan pembelajaran mereka tetapi kesihatan mental dan emosi kanak-kanak.

Bagi mengatasi masalah itu, CEFL menggunakan pendekatan komunikatif dalam pembelajaran bahasa yang membolehkan pelajar membangunkan kemahiran bahasa pada kadar kemampuan mereka sendiri melalui konteks perangsang yang menyeronokkan dan menarik.

Ketika ini, CEFL mempunyai rangkaian terbesar iaitu sebanyak 60 pusat bahasa di Malaysia. CEFL amat berdedikasi dalam menawarkan kursus bahasa kepada pelajar-pelajar bermula daripada usia empat tahun hingga ke peringkat dewasa. Pelajar boleh menduduki peperiksaan Cambridge English Language Assessment dan mendapatkan kelayakan yang diiktiraf di dunia pada penghujung kursus mereka.

**-INFO-**

UNTUK maklumat lanjut mengenai kursus CEFL, sila hubungi **03-7883 0912** atau layari laman web [www.cambridgeforlife.org](http://www.cambridgeforlife.org) atau emel [info@cambridgeforlife.org](mailto:info@cambridgeforlife.org).